



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 JLD 2 - () 02/07

Kementerian Pertahanan Malaysia Membantu Angkatan Pertahanan New Zealand Membawa Pulang Rangka Anggota Yang Terkorban

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertahanan Malaysia akan membantu Tentera New Zealand (NZDF) yang akan memulakan penghantaran pulang 28 rangka anggota tentera New Zealand dan seorang kanak-kanak dari tanah perkuburan di Malaysia. Rangka anggota yang terkorban akan dibawa pulang ke New Zealand pada 20 Ogos dan diserahkan kepada keluarga mereka dalam satu upacara di Auckland. Misi pelaksanaan penghantaran pulang (*repatriation*) rangka ini dinamakan **Operasi Te Auraki** yang bermaksud pulang atau *The Return*. Pemilihan nama ini sebagai ikon komitmen Kementerian Pertahanan Malaysia dan kerajaan Malaysia dalam membantu hasrat kerajaan New Zealand untuk mengembalikan wira-wira New Zealand kepada negara dan keluarga.

Pemindahan adalah melibatkan mereka yang meninggal dunia semasa berkhidmat di Vietnam dan Malaysia. Terdapat 34 anggota dan keluarga Tentera New Zealand yang terkorban di Malaysia mulai tahun 1955 sehingga 1971. Walau bagaimanapun, 6 rangka anggota belum mendapat persetujuan keluarga untuk dibawa pulang. 27 rangka askar Tentera Darat New Zealand dan seorang kanak-kanak yang merupakan ahli keluarga anggota Tentera New Zealand yang berkhidmat di Malaysia akan digali.

Mengambil kira kejayaan Malaysia membantu kerajaan British dalam Operasi Dakota pada tahun 2008, Operasi Gangga bersama kerajaan Amerika Syarikat pada tahun 2015 dan Operasi Reunites bersama Australia pada tahun 2016. Pelaksanaan **Operasi Te Auraki** secara professional diantara Malaysia dan New Zealand ini akan membuka lembaran kerjasama baru khususnya dalam bidang *archaeological forensic*.

Kementerian Pertahanan turut melibatkan Muzium Tentera Darat Port Dickson, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia bersama Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global dan Institiut Alam Tamadun Melayu dari Kementerian Pengajian Tinggi serta universiti-universiti tempatan yang mempunyai kepakaran Anthropology, Pathology, Odontology dan Radiology forensik dan disiplin arkeologi bagi kerja-kerja *victim identification* dan *verification*.

Proses penggalian akan dilaksanakan selama 48 hari bermula pada 3 Julai 2018 di Tanah Perkuburan Komanwel Terendak. Antara tempat lain yang akan dilakukan kerja-kerja penggalian adalah di Tanah Perkuburan Kristian Taiping dan Tanah Perkuburan Komanwel Cheras. Pasukan penggalian turut melibatkan ahli bio-arkeologi dan ahli antropologi forensik dari universiti di New Zealand, serta NZDF odontologi forensik untuk membantu mengenal pasti rangka anggota yang diketuai oleh pegawai perubatan NZDF.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan
3 Julai 2018**